

27 JUN 2001

Abdullah-Trafik

ELAUN INSENTIF RM250 UNTUK POLIS TRAFIK

PULAU PINANG, 27 Jun (Bernama) -- Sebanyak 3,793 anggota polis trafik semua pangkat akan dibayar Elaun Insentif Trafik sebanyak RM250 seorang sebulan, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan hari ini.

Elaun itu akan dibayar sebaik sahaja pekeliling dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno negeri sempena lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pulau Pinang selama dua hari bermula esok.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berharap elaun itu akan menjadi galakan kepada anggota polis trafik untuk bertugas lebih cekap dan berkesan.

Ia juga diharap dapat mengurangkan aduan orang ramai mengenai polis trafik, katanya.

Abdullah berkata, elaun khas itu bertujuan memberi insentif kepada anggota polis trafik yang terpaksa menjalankan tugas-tugas yang berat.

Antara tugas itu, menurutnya, ialah siasatan dalam semua kes kemalangan jalan raya, kes kenderaan berlumba haram, kes penipuan serta pemalsuan dokumen kenderaan dan permit.

"Mereka juga membuat tugas kawalan lalulintas di simpang-simpang jalan pada waktu puncak, hujan lebat, banjir, perarakan, keramaian dan keagamaan serta tugas mengiring orang kenamaan dari dalam dan luar negara," katanya.

Abdullah berkata pemberian elaun khas itu melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM11.4 juta setahun.

-- BERNAMA

AHM MAI